



AMAN PALESTIN BHD (719871-K)

**KERTAS KERJA
PROJEK RAMADHAN
AL-MUBARAK 1430H
BERSAMA SYARIKAT/INSTITUSI**

AMAN PALESTIN BERHAD

NO. 1, JALAN 3/3B, SEKSYEN 3,
43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR.

TEL: 03-89267019 FAKS: 03-89259963

E-ME L

alquds3@streamyx.com / amanpalestin@yahoo.com

LAMAN WEB

www.amanpalestin.org

PENDAHULUAN

Aman Palestin adalah sebuah badan kebajikan yang ditubuhkan khusus untuk membela dan membantu rakyat Palestin. Aman Palestin telah ditubuhkan bermula pada tahun 2004, mendapat kelulusan rasmi daripada SSM pada Januari 2006 sebagai sebuah syarikat yang tidak berteraskan keuntungan (non-profit organisation).

Semenjak itu Aman Palestin telah berjalan dengan baik dan mendapat sokongan berbagai-bagai lapisan masyarakat. Sepanjang tempoh itu juga Aman Palestin telah berjaya menjalin kerjasama dengan berbagai-bagai badan rasmi, NGO dan juga media. Semenjak dari mula beroperasi sehinggalah sekarang sudah lebih RM4 juta sumbangan telah disalurkan dan diterjemah ke dalam pelbagai bentuk projek seperti pembinaan rumah anak yatim, bantuan keluarga miskin, ambulans, bantuan makanan, biasiswa pelajaran, ubat-ubatan dan sebagainya.

Kedatangan Ramadhan 1430H yang penuh keberkatan dan kerahmatan, mengingatkan kita kepada penderitaan dan kesengsaraan hidup rakyat Palestin. Aman Palestin berhasrat untuk mengambil inisiatif meneruskan misi membantu mangsa kekejaman tersebut dengan menggiatkan usaha bagi menggandakan sumbangan kepada rakyat Palestin terutamanya untuk memberikan kegembiraan dan rasa kebersamaan rakyat Malaysia ketika menjelang bulan Ramadhan yang mulia.

NAMA KEMPEN

"Bantuan Ramadhan Untuk Palestin"

TARIKH

Sepanjang bulan Ramadhan 1430H/September 2009

ANJURAN

Aman Palestin Berhad

OBJEKTIF KEMPEN

1. Menginsafi dan menerapkan sikap peduli kepada nasib rakyat Palestin yang masih belum terbela di dalam Palestin dan di kem-kem Pelarian di sekitarnya.
2. Menghidupkan suasana bantu membantu dalam masyarakat Malaysia agar tersemat sifat syukur dengan nikmat yang dikecapi selama ini.

3. Memberi ruang kepada badan-badan kerajaan, bukan kerajaan, pertubuhan dan persatuan di Malaysia terlibat secara terus dalam membantu rakyat Palestin.
4. Berkongsi kegembiraan dengan rakyat di Palestin ketika menyambut bulan Ramadhan dan Aidil Fitri.

PAKEJ-PAKEJ BULAN RAMADHAN

- i) Majlis Makan Sahur
- ii) Pakej Makanan
- iii) Hadiah Pakaian Hari Raya
- iv) Pembinaan Infrastruktur – Makmal Sains, Universiti Gaza.

Bil	Pakej Bantuan	Harga / Unit	Bil. Tajaan	Jumlah
1.	Pakej Sahur dan Berbuka Puasa untuk keluarga miskin dan anak-anak Yatim	RM 40.00	5000 Orang	RM200,000.00
2.	Pakej Makanan Untuk Keluarga Miskin	RM 160.00	500 Keluarga	RM 80,000.00
3.	Hadiah Hari Raya Aidilfitri Untuk Anak-anak Yatim	RM 180.00	400 Orang	RM 72,000.00
4.	Pembinaan Makmal Sains Universiti Gaza	RM260,000.00	1 Unit	RM260,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				RM612,000.00

RASIONAL KEMPEN

1. Rakyat Palestin adalah merupakan golongan rakyat yang benar-benar memerlukan terutama dari sudut bantuan makanan, kemanusiaan dan keperluan asasi, pembangunan dan pemulihan ekonomi serta pembangunan

semula infrastruktur dan kemudahan yang telah dimusnahkan oleh kekejaman Zionis sama ada di dalam Palestin dan di Kem-kem Pelariannya.

2. Membantu dan menyokong rakyat Palestin untuk meneruskan perjuangan mendapatkan hak ke atas tanah air sendiri serta mempertahankan tanah milik mereka walaupun terpaksa berdepan dengan rejim Zionis yang kejam dan zalim.
3. Memperlihatkan nilai kemanusiaan dan kasih sayang sesama manusia walaupun berlainan bangsa dan Negara.
4. Ketiadaan sumber kewangan yang menghalang mereka untuk merasai kenikmatan dan kesenangan hidup.
5. Kesan dalaman (trauma) yang menimpa rakyat Palestin setelah ditimpa musibah turut memberi kesan kepada kehidupan mereka. Oleh itu mereka perlukan sokongan dan bantuan untuk hidup secara normal seterusnya menikmati kebebasan sebagai manusia yang merdeka.

SASARAN

Rakyat Palestin yang berada di dalam Palestin terutamanya di Semenanjung Gaza dan juga di Kem-kem Pelarian Palestin di Lubnan.

PENUTUP

Penyertaan syarikat-syarikat korporat dan institusi-institusi yang ada di Malaysia diharap dapat menjana dana yang mencukupi untuk menampung keperluan saudara-saudara kita di Palestin yang setiap masa dihimpit musibah semata-mata untuk mempertahankan maruah, hak dan kebebasan mereka. Apa yang perlu dilakukan oleh masyarakat Malaysia adalah membantu rakyat Palestin sedaya-upaya mereka. Semoga Allah S.A.W akan menambahkan lagi rezeki bagi mereka yang menghulurkan bantuan.